



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 1995

SENARAI BARU UNIVERSITI / KOLEJ **DI AMERIKA SYARIKAT YANG NILAITARAF KELAYAKANNYA** **DIKTIRAF SETARAF DENGAN IJAZAH SARJANA MUDA KEPUJIAN**

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 4 Tahun 1995 mengenai perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan satu salinan Pekeliling Perkhidmatan yang berkenaan bagi panduan dan tindakan.

Sekian.

“ MEMBANGUN BERSAMA ISLAM ”

Yang menurut perintah,

(HAJI NIK MOHD YUSOFF BIN NIK ALI)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran)
b.p. **SETIAUSAHA KERAJAAN**
NEGERI KELANTAN

Bertarikh : 18 Rejab 1416
11 Disember 1995

SUK (KN) : 85 / 79 / Jld II (61)

KEPADA : SEMUA KETUA JABATAN NEGERI

SALINAN : SEMUA KETUA PENGURUSAN BADAN-BADAN BERKANUN NEGERI
SEMUA KETUA PENGURUSAN KUASA-KUASA TEMPATAN



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1995

**SENARAI BARU UNIVERSITI / KOLEJ
DI AMERIKA SYARIKAT YANG NILAITARAF KELAYAKANNYA
DIKTIRAF SETARAF DENGAN IJAZAH SARJANA MUDA KEPUJIAN**

TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan menggantikan senarai universiti-universiti di Amerika Syarikat seperti yang terdapat di dalam **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1987** dengan senarai baru universiti / kolej yang kelayakannya diiktiraf setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Kepujian.

DEFINISI

2. Definisi bagi beberapa istilah yang digunakan di dalam Pekeliling ini adalah seperti berikut:
 - (i) **universiti-universiti di Amerika Syarikat yang bertaraf 'accredited'** bermaksud semua Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh 'Commission On Recognition of Post Secondary Accreditation (CORPA)'.

- (ii) **CGPA** bermaksud 'Cumulative Grade Point Average' yang digunakan oleh Institusi Pengajian Tinggi di Amerika Syarikat di mana lazimnya mempunyai nilai maksima 4.0.

SENARAI BARU UNIVERSITI-UNIVERSITI DAN KOLEJ-KOLEJ DI AMERIKA SYARIKAT

3. **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1987** telah menyenaraikan sebanyak 233 buah universiti di Amerika Syarikat di mana Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sastera dan Sains Kemasyarakatan dan Sains Am dengan pencapaian sekurang-kurangnya CGPA 2.75 diiktiraf setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Kepujian dari universiti-universiti tempatan.
4. Setelah kajian semula dibuat, Kerajaan telah memutuskan untuk menggantikan senarai 233 buah universiti mengikut **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1987** itu dengan senarai baru 234 buah universiti seperti di **Lampiran A**. Senarai baru ini memasukkan 16 buah universiti baru seperti di **Lampiran B** dan mengeluarkan 15 buah universiti daripada senarai lama seperti di **Lampiran C**

PRINSIP PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN DARI UNIVERSITI/ KOLEJ DI AMERIKA SYARIKAT

5. Semua prinsip pengiktirafan yang ditetapkan di bawah **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1987** seperti di bawah ini masih lagi terpakai:
 - (i) Kelayakan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang-bidang Sastera dan Sains Kemasyarakatan dan Sains Am dari universiti-universiti di Amerika Syarikat yang bertaraf "accredited" diiktiraf setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Am/Lulus dari universiti-universiti tempatan;
 - (ii) Kelayakan Ijazah Sarjana dalam bidang Sastera dan Sains

Kemasyarakatan dan Sains Am dari universiti-universiti di Amerika Syarikat yang bertaraf "accredited" diiktiraf setaraf dengan Ijazah Sarjana dari universiti-universiti tempatan dengan syarat memiliki Ijazah Pertama yang diiktiraf oleh Kerajaan;

- (iii) Pemegang-pemegang Ijazah Sarjana Muda yang berkenaan sekiranya memohon perlantikan ke dalam Perkhidmatan Awam hanya layak memohon jawatan-jawatan yang mensyaratkan Ijazah Sarjana Muda Am sebagai kelayakan masuk;
- (iv) Bagi maksud lantikan ke jawatan-jawatan yang mana skim perkhidmatannya mensyaratkan kelayakan masuk minima Ijazah Sarjana Muda Kepujian, pemegang-pemegang Ijazah Sarjana Muda bidang Sastera dan Sains Kemasyarakatan dan Sains Am yang diiktiraf oleh Kerajaan dari universiti-universiti di Amerika Syarikat boleh dipertimbangkan dengan **syarat** memiliki Ijazah Sarjana yang diiktiraf.
- (v) Kelayakan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sastera dan Sains Kemasyarakatan dan Sains Am dengan pencapaian sekurang-kurangnya CGPA 2.75 dari universiti-universiti yang disenaraikan diiktiraf setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Kepujian dari universiti-universiti tempatan.
- (vi) Ijazah-ijazah dalam bidang pendidikan dari universiti-universiti di Amerika Syarikat tidak terlibat dengan pemberian nilai taraf ini.

TARIKH KUATKUASA

- 6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 1995**.
- 7. Bagi pemegang-pemegang kelayakan Ijazah dalam bidang Sastera dan Sains Kemasyarakatan dan Sains Am dari universiti-universiti yang terkeluar daripada senarai lama seperti di **Lampiran C** dan telah mendaftar diri di

universiti atau kolej berkenaan sebelum tarikh Pekeliling ini dikeluarkan, masih mendapat faedah **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1987**.

PENETAPAN GAJI MASUK

8. Dengan keputusan ini juga, pemegang-pemegang kelayakan daripada mana-mana 16 buah universiti yang baru dimasukkan dalam senarai seperti di **Lampiran B** dan memperoleh sekurang-kurangnya CGPA 2.75, sekiranya telah dilantik ke dalam jawatan yang ditetapkan gaji masuk pada peringkat Ijazah Sarjana Muda Am adalah layak diberi pelarasan gaji ke matagaji yang nilainya setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Kepujian jika sekiranya skim perkhidmatan berkenaan ada mempunyai penetapan gaji masuk di peringkat tersebut. Calon yang dilantik ke jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk minimum Ijazah Sarjana Muda Kepujian layak dibayar gaji permulaan dalam gred gaji jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk minimum Ijazah Sarjana Muda Kepujian.

PENYESUAIAN GAJI PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT

9. Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam mana-mana skim perkhidmatan bagi jawatan-jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk Ijazah Sarjana Muda Am dan setaraf, yang memiliki Ijazah Sarjana Muda dengan pencapaian sekurang-kurangnya CGPA 2.75 dari mana-mana 16 buah universiti yang ditetapkan seperti di **Lampiran B**, dan menerima gaji lebih rendah daripada **matagaji yang nilainya setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Kepujian** universiti yang diiktiraf, serta dilantik sebelum 1 Januari 1995, hendaklah diselaraskan gaji mereka kepada matagaji yang bersesuaian mulai 1 Januari 1995. Sekiranya tarikh pergerakan gaji jatuh pada tarikh kuatkuasa iaitu 1 Januari 1995, tarikh pergerakan gajinya ditetapkan pada 31 Disember 1994 bagi maksud pemindahan gaji dan penetapan tarikh pergerakan gaji baru. Tarikh pergerakan gaji bagi anggota

yang berpindah daripada **2 matagaji atau lebih** kepada satu matagaji, tarikh pergerakan gaji berubah kepada tarikh baru seperti di **Lampiran D1 dan D2**.

10. Pegawai-pegawai yang dilantik pada atau selepas 1 Januari 1995, gaji masuk mereka hendaklah juga diselaraskan ke matagaji **yang nilainya setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Kepujian dari universiti yang diiktiraf**. Tarikh pergerakan gaji mereka adalah ditetapkan seperti di **Lampiran E**.
11. Pegawai-pegawai yang berkeelayakan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sastera dan Sains Kemasyarakatan dan bidang Sains Am dengan sekurang-kurangnya CGPA 2.75 dan bergaji melebihi daripada gaji masuk yang nilainya setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Kepujian dari universiti yang diiktiraf pada tarikh kuatkuasa iaitu 1 Januari 1995 adalah tidak tertakluk kepada keputusan ini.
12. Keputusan panel penilaian prestasi mengenai cara pergerakan gaji anggota yang terlibat bagi tahun 1994 hendaklah dilaksanakan dahulu dan disesuaikan dengan tarikh pergerakan gaji baru.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

13. Sebelum pelarasan gaji ini dibuat, Ketua-ketua Agensi hendaklah memastikan terlebih dahulu bahawa pemegang-pemegang kelayakan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang-bidang berkenaan dari mana-mana 16 buah universiti yang ditetapkan di **Lampiran B** itu mengemukakan bukti di atas pencapaian sekurang-kurangnya CGPA 2.75. Bukti tersebut boleh dalam bentuk transkrip asal ataupun pengesahan bertulis dari universiti-universiti yang mengeluarkan Ijazah Sarjana Muda tersebut.
14. Faedah nilaitaraf baru ini juga dipanjangkan kepada pegawai-pegawai Sementara dan Kontrak.

BAYARAN TUNGGAKAN

15. Dengan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan ini, tunggakan boleh dibayar secara sebenar mulai dari 1 Januari 1995.

PEMBATALAN

16. Dengan keluarnya Pekeliling ini, **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1987** adalah dibatalkan.



(DR. MUHAMMAD RAIS BIN ABDUL KARIM)
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam II,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Tarikh: 31 Mac, 1995.

Salinan Kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia.

Urusetia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan Sarawak dan Sabah.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan Malaysia.

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun Persekutuan.

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.

**SENARAI UNIVERSITI/KOLEJ DI AMERIKA SYARIKAT
YANG DILULUSKAN BAGI MAKSUD
IJAZAH SARJANA MUDA KEPUJIAN**

ALABAMA

1. Auburn University, Auburn 36849-5113
2. The University Of Alabama, UAB Sta., Birmingham 35294
3. University of Alabama in Huntsville, Huntsville 35899
4. University of Alabama, Tuscaloosa 35487
5. University of North Alabama, Florence 35632-0001
6. University of South Alabama, Mobile 36688

ARIZONA

7. Arizona State University, Tempe 85287-2203
8. Northern Arizona University, Flagstaff 86011-4092
9. University of Arizona, Tucson 85721

ARKANSAS

10. University of Arkansas, Fayetteville 72701
11. University of Arkansas, Little Rock 72204

CALIFORNIA

12. California Institute of Technology, Pasadena 91125
13. California Polytechnic State University San Luis Obispo 93407
14. California State Polytechnic University, Pomona 91768
15. California State University, Bakersfield 93311-1099

16. California State University, Chico 95929-0820
17. California State University, Dominguez Hills, Carson 90747
18. California State University, Fresno 93740-0048
19. California State University, Fullerton 92934
20. California State University, Hayward 94542
21. California State University, Long Beach 90840
22. California State University, Los Angeles 90032-8508
23. California State University, Northridge 91330
24. California State University, Sacramento 95819-6022
25. California State University, San Bernardino 92407
26. California State University, Stanislaus, Turlock 95380
27. Claremont McKenna College, Claremont 91711
28. Harvey Mudd College, Claremont 91711
29. Humboldt State University, Arcata 95521
30. Loma Linda University, Riverside 92515-8247
31. Pitzer College, Claremont 91711-6111
32. Pomona College, Claremont 91711
34. San Francisco State University, San Francisco 94132
35. San Jose State University, San Jose 95192-0002
36. Santa Clara University, Santa Clara 95053
37. Sonoma State University, Rohnert Park 94928
39. University of California, Berkeley 94720
40. University of California, Davis 95616
41. University of California, Irvine 92717
42. University of California, Los Angeles 90024
43. University of California, Riverside 92521

44. University of California, San Diego, La Jolla 92093-0005
45. University of California, Santa Barbara 93106
46. University of California, Santa Cruz 95064
47. University of The Pacific, Stockton 95211
48. University of Southern California, Los Angeles 90089-0012

COLORADO

49. Colorado School of Mines, Golden 80401
50. Colorado State University, Fort Collins 80523
51. United States Air Forces Academy, USAF Academy 80840
52. University of Colorado, Boulder 80309
53. University of Colorado, Denver 80202-3364
54. University of Denver, Denver 80208

CONNECTICUT

55. Trinity College, Hartford 06106
56. University of Connecticut, Storrs 06268
57. University of Hartford, West Hartford 06117
58. Wesleyan University, Middletown 06457
59. Yale University, New Haven 06520

DELAWARE

60. University of Delaware, Newark 19716

DISTRICT OF COLUMBIA

61. The American University, Washington 20016
62. Catholic University of America, Washington 20064
63. George Washington University, Washington 20052
64. Georgetown University, Washington 20057
65. Howard University, Washington 20059

FLORIDA

- 66. Florida State University, Tallahassee 32306-1037
- 67. University of Florida, Gainesville 32611
- 68. University of Miami, Coral Gables 33124

GEORGIA

- 69. Emory University, Atlanta 30322
- 70. Georgia Institute of Technology, Atlanta 3032-0325
- 71. The University of Georgia, Athens 30602

HAWAII

- 72. University of Hawaii, Manoa, Honolulu 96822

IDAHO

- 73. University of Idaho, Moscow 83843

ILLINOIS

- 74. De Paul University, Chicago 60604
- 75. Eastern Illinois University, Charleston 61920
- 76. Loyola University of Chicago, Chicago 60611
- 77. Northwestern University, Evanston 60208
- 78. Southern Illinois University at Carbondale, Carbondale 62901-4304
- 79. University of Chicago, Chicago 60637
- 80. University of Illinois at Chicago, Chicago 60680
- 81. University of Illinois at Urbana-Champaign, Campaign 61820

INDIANA

- 82. Indiana University, Bloomington 474405
- 83. Purdue University, West Lafayette 47907
- 84. University of Notre Dame, Notre Dame 46556

IOWA

- 85. Iowa State University, Ames 50011
- 86. University of Iowa, Iowa City 52242

KANSAS

- 87. Kansas State University, Manhattan 66506
- 88. University of Kansas, Lawrence 66045

KENTUCKY

- 89. University of Kentucky, Lexington 40506-0032
- 90. University of Louisville, Louisville 40292-0001

LOUISIANA

- 91. Louisiana State University and Agricultural and Mechanical College, Baton Rouge 70803-2750
- 92. Tulane University, New Orleans 70118

MAINE

- 93. University of Maine at Orono, Orono 04469

MARYLAND

- 94. John Hopkins University, Baltimore 21218
- 95. United State Naval Academy, Annapolis 21402
- 96. University of Maryland at College Park, College Park 20742

MASSACHUSETTS

- 97. Amherst College, Amherst 01002
- 98. Boston College, Chestnut Hill 02167
- 99. Boston University, Boston 02215
- 100. Brandeis University, Waltham 02254
- 101. Clark University, Worcester 01610
- 102. Harvard University, Cambridge 02138
- 103. Massachusetts Institute of Technology, Cambridge 02139

104. Mount Holyoke College, South Hadley 01075
105. Smith College, Northampton 01063
106. Tufts University, Medford 02155
107. University of Massachusetts at Amherst, Amherst 01003
108. William College, Williamstown 01267

MICHIGAN

109. Michigan State University, East Lansing 48824-1046
110. Michigan Technological University, Houghton 49931
111. Oakland University, Rochester 49931
112. University of Detroit Mercy, Detroit 48219
113. University of Michigan, Ann Arbor 48109
114. University of Michigan-Dearborn, Dearborn 48128
115. University of Michigan-Flint, Flint 48502-2186
116. Wayne State University, Detroit 48219
117. Western Michigan University, Kalamazoo 49008

MINNESOTA

118. University of Minnesota-Twin Cities, Minneapolis 55455
119. University of Minnesota-Duluth, Duluth 55812
120. University of Minnesota-Morris, Morris 56267

MISSISSIPPI

121. Mississippi State University, Mississippi State 39762
122. University of Mississippi, University 38677

MISSOURI

123. St. Louis University, St. Louis 63130
124. University of Missouri-Columbia, Columbia 65211
124. University of Missouri-Kansas City, Kansas City 64110

- 125. University of Missouri-Rolla, Rolla 65401-0249
- 126. University of Missouri-St. Louis, St. Louis 63121
- 127. Washington University, St. Louis 63130

MONTANA

- 129. Montana State University, Bozeman 59717
- 130. University of Montana, Missoula 59812

NEBRASKA

- 131. University of Nebraska, Lincoln 68182
- 132. Creighton University, Omaha 68178

NEW HAMPSHIRE

- 133. Dartmouth College, Hanover 03755
- 134. University of New Hampshire, Durham 03824

NEW JERSEY

- 135. Princeton University, Princeton 08544-0015
- 136. Rutgers University, New Brunswick 08903
- 137. Fairleigh Dickinson University, Teaneck Hackensack Campus, Teaneck 07666
- 138. Stevens Institute of Technology, Hoboken 07030

NEW MEXICO

- 139. University of New Mexico, Albuquerque 07131

NEW YORK

- 140. Alfred University, Alfred 14802
- 141. Barnard College, New York 10027-6598
- 142. City University of New York, Bernard M.Baruch College, New York 10010
- 143. City University of New York, City College, New York 10031
- 144. City University of New York, College of Staten Island, Staten Island 10301
- 145. City University of New York, Brooklyn College, New York 11210

146. City University of New York, Herbert H. Lehman College, Bronx 10468
147. City University of New York, Hunter College, New York 10021
148. City University of New York, Queens College, Flushing 11367
149. City University of New York, John Jay College of Criminal Justice, New York 10019
150. Clarkson University, Potsdam 13699-5557
151. Colgate University, Hamilton 13346
152. Columbia University, New York 10027
153. Cornell University, Ithaca 14853
154. Fordham University, Bronx 10458
155. Horstra University, Hempstead 11550
156. The Cooper Union for the Advancement of Science and Art, New York 1003
157. New York University, New York 10012
158. Polytechnic University, Brooklyn 11201
159. Polytechnic University, Long Island Center, Farmingdale 11735
160. Pratt Institute, Brooklyn 11205
161. Rensselaer Polytechnic Institute, Troy 12180-3590
162. Sarah Lawrence College, Bronxville 10708
163. Skidmore College, Saratoga Springs 12866-1632
164. State University of New York at Albany 12222
165. State University of New York at Binghamton 12901
166. State University of New York at Buffalo, Amherst 14260
167. State University of New York at Stony Brook, Stony Brook 11794-1701
168. State University of New York, College of Environmental Science and Forestry, Syracuse 13210
169. Syracuse University, Syracuse 13244-1100

- 170. University of Rochester, Rochester 14627
- 171. Union College, Schenectady, 12308
- 172. United State Military Academy, West Point 10996-5000
- 173. Webb Institute of Naval Architecture, Glen Cove 11542
- 174. Vassar College, Poughkeepsie 12601
- 175. Wells College, Aurora 13026-0500

NORTH CAROLINA

- 176. Duke University, Durham 27706
- 177. University of North Carolina at Chapel Hill, Chapel Hill 27599-9100
- 178. North Carolina State University/Raleigh, Raleigh 27695-7001
- 179. University of North Carolina at Charlotte, Charlotte 28223
- 180. Wake Forest University, Winston-Salem 27109
- 181. North Dakota State University, Fargo 58105
- 182. University of North Dakota, Grand Forks 5820

OHIO

- 183. Case Western Reserve University, Cleveland 44106-1712
- 184. Oberlin College, Oberlin 44074-1090
- 185. Ohio State University, Columbus 43210-1357
- 186. Ohio University, Athens 45701-2979
- 187. University of Cincinnati, Cincinnati 45221-0063

OKLAHOMA

- 188. University of Oklahoma, Norman 73069-8813
- 189. University of Tulsa, Tulsa 74104-3189
- 190. Oklahoma State University, Stillwater 74078-0999

OREGON

- 191. Oregon State University, Corvallis 97331
- 192. Reed College, Portland 97202-8199
- 193. University of Oregon, Eugene 97403-1226

PENNSYLVANIA

- 194. Bryn Mawr College, Bryn Mawr 19010
- 195. Carnegie-Mellon University, Pittsburgh 15213
- 196. Drexel University, Philadelphia 19104
- 197. Haverford College, Haverford 19041-1392
- 198. Lehigh University, Bethlehem 18015
- 199. Pennsylvania State University, University Park 16802
- 200. Swarthmore College, Swarthmore 19081-1397
- 201. Temple University, Philadelphia 19122
- 202. University of Pennsylvania, Philadelphia 19104
- 203. University of Pittsburgh, Pittsburgh 15260

RHODE ISLAND

- 204. Brown University, Providence 02912
- 205. University of Rhode Island, Kingston 02881

SOUTH CAROLINA

- 206. University of South Carolina, Columbia 29208

SOUTH DAKOTA

- 207. South Dakota School Of Mines and Technology, Rapid City 57701
- 208. University of South Dakota, Vermillion 57069

TENNESSEE

- 209. University of Tennessee at Knoxville, Knoxville 37996-0150
- 210. Vanderbilt University, Nashville 37240

211. Memphis State University, Memphis 38152

TEXAS

212. Baylor University, Waco 76798

213. Rice University, Houston 77251

214. Southern Methodist University, Dallas 75275

215. Texas A & M University, College Station 77843-1246

216. University of Texas at Austin, Austin 78712

217. Texas Christian University, Fort Worth 761219

218. Texas Tech University, Lubbock 79409

219. University of Houston at University Park, Houston

UTAH

220. University of Utah, Salt Lake City 84112

221. Brigham Young University, Provo 84602

222. Utah State University, Logan 84322

VERMONT

223. University of Vermont, Burlington 05405-0160

VIRGINIA

224. University of Virginia, Charlottesville 22906

225. Virginia Polytechnic Institute and State University, Blacksburg 24061-0131

WASHINGTON

226. University of Washington, Seattle 98195

227. Washington State University, Pullman 99164-1046

228. Seattle University, Seattle 98122

WEST VIRGINIA

229. West Virginia University, Morgantown 26506-6001

WISCONSIN

- 230. Marquette University, Milwaukee 53233
- 231. University of Wisconsin-Madison, Madison 53706
- 232. Lawrence University, Appleton 54912
- 233. University of Wisconsin-Milwaukee, Milwaukee 53201

WYOMING

- 234. University of Wyoming, Laramie 82071

SENARAI UNIVERSITI-UNIVERSITI BARU

ALABAMA

1. Auburn University, Auburn 36849-5113

MASSACHUSETTS

2. Mount Holyoke College, South Hadley 01075
3. Smith College, Northampton 01063
4. Williams College, Williamstown 01267

NEW YORK

5. Barnard College, New York 10027-6598
6. Polytechnic University, Long Island Center, Formingdale 11735
7. Sarah Lawrence College, Bronxville 10708
8. Skidmore College, Saratoga Springs 12866-1632
9. State University of New York, College of Environmental Science and Forestry, Syracuse 13210
10. Vassar College, Pughkeepsie 12601
11. Wells College, Aurora 13026-0500

OHIO

12. Oberlin College, Oberlin 44074-1090

OREGON

13. Reed College, Portland 97202-8199

PENNSYLVANIA

14. Bryn Mawr College, Bryn Mawr 19010
15. Haverford College, Haverford 19041-1392
16. Swarthmore College, Swarthmore 19081-1397

**SENARAI NAMA-NAMA UNIVERSITI/KOLEJ
YANG DIGUGURKAN DARI SENARAI
PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1987**

ALABAMA

1. Auburn University, Montgomery

CALIFORNIA

2. Occidental College

ILLINOIS

3. Northern Illinois University

MASSACHUSETTS

4. College of The Holy Cross

NEVADA

5. University of Nevada, Reno

NEW YORK

6. Yeshiva University

OHIO

7. University of Toledo
8. Kent State University

TEXAS

9. University of Texas at Permian Basin
10. Midwestern State University, Wichita Falls

11. University of North Texas, Denton
12. West Texas State University, Canyon
13. Lamar University
14. University of Texas at El Paso
15. University of Texas at Arlington

**PERUBAHAN TARIKH PERGERAKAN GAJI ANGGOTA YANG
BERPINDAH DARIPADA DUA MATAGAJI KEPADA SATU
MATAGAJI MULAI 1 JANUARI 1995**

Anggota Perkhidmatan Awam Yang Berada Di Matagaji	Tempoh	Tarikh Pergerakan Gaji
Tinggi	01.01.1994 - 30.06.1994	01.04.1995
	01.07.1994 - 31.12.1994	01.07.1995
Rendah	01.01.1994 - 30.06.1994	01.10.1995
	01.07.1994 - 31.12.1994	01.01.1996

Catatan

Pemindahan daripada dua matagaji kepada satu matagaji meliputi anggota-anggota yang sedang berkhidmat dan menerima opsyen Sistem Saraan Baru dan anggota yang dilantik atas syarat-syarat perkhidmatan Sistem Saraan Baru. Sebagai contohnya Skim Perkhidmatan Pegawai Kanan Polis berpangkat Penolong Penguasa Polis (Gred Gaji Y6) menetapkan gaji permulaan di P1T2 bagi calon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PERUBAHAN TARIKH PERGERAKAN GAJI ANGGOTA YANG
BERPINDAH DARIPADA TIGA MATAGAJI KEPADA SATU
MATAGAJI MULAI 1 JANUARI 1995**

Anggota Perkhidmatan Awam Yang Berada Di Matagaji	Tempoh	Tarikh Pergerakan Gaji
Tinggi	01.01.1994 - 31.12.1994	01.04.1995
Tengah	01.01.1994 - 30.06-1994	01.07.1995
	01.07.1994 - 31.12.1994	01.10.1995
Rendah	01.01.1994 - 31.12.1994	01.01.1996

Catatan

Pemindahan daripada tiga matagaji kepada satu matagaji meliputi anggota-anggota yang sedang berkhidmat dan menerima opsyen Sistem Saraan Baru dan anggota yang dilantik atas syarat-syarat perkhidmatan Sistem Saraan Baru. Sebagai contoh, skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir (gred gaji N3) menetapkan gaji permulaan di P1T3 bagi calon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian daripada universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Lampiran E

**PENETAPAN TARIKH PERGERAKAN GAJI
ANGGOTA YANG DILANTIK DALAM TEMPOH
1 JANUARI 1995 HINGGA 31 DISEMBER 1995**

Tarikh Lantikan	Tarikh Pergerakan Gaji SSB
1 Januari 1995 hingga 31 Mac 1995	1 Januari 1996
1 April 1995 hingga 30 Jun 1995	1 April 1996
1 Julai 1995 hingga 30 September 1995	1 Julai 1996
1 Oktober 1995 hingga 31 Disember 1995	1 Oktober 1996